

28 NOV 1998

PERLIS LULUS USUL TERGEMPAR SOKONG KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KANGAR, 28 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Perlis hari ini meluluskan usul tergepar menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani apa jua cabaran di dalam dan luar negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim ketika membawa usul itu berkata, sejak kebelakangan ini, terdapat usaha untuk menjatuhkan Dr Mahathir oleh golongan tertentu yang didalangi pihak asing.

Menurutnya, Perdana Menteri mempunyai sejarah perjuangan yang ikhlas dan kepimpinannya yang terbukti membawa banyak kemajuan perlu disokong tanpa berbelah bahagi.

Dua anggota dewan, Arof Saad (BN-Guar Sanji) dan Selamat Saad (BN-Sena) ketika membahaskan usul itu sependapat bahawa kepimpinan Dr Mahathir amat diperlukan oleh rakyat terutama dalam usaha memulihkan ekonomi.

Persidangan kemudian ditangguhkan ke tarikh yang akan ditetapkan kelak.

-- BERNAMA

AD AKD